

25 FEB 1997

Suleiman-Sosial

PM HADIRI PERJUMPAAN TIGA KEMENTERIAN MENGENAI MASALAH SOSIAL

LANGKAWI, 25 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri perjumpaan antara tiga kementerian pada Mei ini bagi bersatu tenaga menangani masalah sosial yang sedang melanda kalangan remaja negara ini.

Timbalan Menteri Penerangan Datuk Suleiman Mohamed hari ini berkata, Kementerian Penerangan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi akan menggembelng kakitangan luar masing-masing untuk turut menangani masalah sosial itu.

Kira-kira 3,000 kakitangan ketiga-tiga kementerian itu akan bertemu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) nanti dan mereka akan disertai oleh anggota Biro Penerangan UMNO yang akan diketuai oleh Ketua Penerangan parti itu Datuk Dr Yusof Nor.

Beliau menyatakan demikian pada persidangan berita selepas merasmikan Persidangan Penyiar Asean kali pertama di sini. Kira-kira 100 penyiar dari kesemua negara anggota Asean -- Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura, Filipina, Thailand -- serta dari Vietnam dan Myanmar menghadiri persidangan lima hari itu.

Suleiman berkata, Kementerian Penerangan akan menggembelng semua pegawai penerangan dan pegawai khas di peringkat negeri dan daerah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar akan menggunakan tenaga pegawai Kemajuan Masyarakat (Kemas) manakala Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi akan menggunakan khidmat para pegawai seranta mereka untuk tujuan itu.

Selain pada peringkat nasional, pegawai berkenaan akan mengadakan kerjasama pada peringkat negeri dan daerah untuk mencapai matlamat berkenaan, katanya.

"Ini kerana tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah sosial tidak dapat diselesaikan oleh satu-satu jabatan kerajaan sahaja," katanya.

Katanya, pegawai penerangan dan pegawai khas telah diarahkan supaya bekerjasama dan memainkan peranan pada semua peringkat seperti pada kursus-kursus sivik sebagai penyebar maklumat. -- BERNAMA

AHM NMO